

BULETIN BHEUU

EDISI JANUARI DAN FEBRUARI 2020



**BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG
JABATAN PERDANA MENTERI**

6 Januari 2020 - Perjumpaan YAB Perdana Menteri Bersama Warga Jabatan Perdana Menteri Bagi Bulan Januari 2020



9 Januari 2020 - Lawatan BHEUU Ke Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional (NFCC)



10 Januari 2020 - Majlis Pembukaan Tahun Perundangan 2020



Tempat : Dewan Perdana, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC)

Muka Surat 3

MAJLIS AMANAT DATUK DR. KETUA PENGARAH BHEUU BAGI TAHUN 2020

Tarikh : 10 Januari 2020 (Jumaat)
Tempat : Kafeteria BHEUU, Aras 1, Blok Utara 1, BHEUU

Majlis Amanat YBhg. Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi, Ketua Pengarah BHEUU Bagi Tahun 2020 telah diadakan di Kafeteria BHEUU dengan kehadiran kira-kira 150 orang warga kerja BHEUU.

Majlis dimulai dengan bacaan Surah Yasin yang dipimpin oleh Encik Zakaria Ismail dari Seksyen Teknologi Maklumat. Antara lain amanat YBhg. Datuk Dr. Ketua Pengarah BHEUU, beliau menyeru semua warga BHEUU melaksanakan tugas dipertanggungjawabkan sebaik-sebaiknya, ikhlas dan secara berpasukan.

Majlis ini turut meraikan perpisahan YBhg. Dato' Rohaizi bin Bahari, mantan Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Pembangunan) yang bercuti mulai 2 Januari 2020.

Majlis juga meraikan 4 orang kakitangan BHEUU yang akan bersara pada tahun ini iaitu :

1. Puan Atikhah binti Ibrahim, Penolong Pustakawan (S32) dari Seksyen Pengurusan Sumber Manusia akan bersara (pilihan) pada 1 Februari 2020.
2. Encik Selamat bin Buang, Penolong Pegawai Tadbir (N36) dari Seksyen Pengurusan Sumber Manusia akan bersara (wajib) pada 29 Februari 2020.
3. Puan Jasmani binti Abd. Rahim, Penolong Pegawai Teknologi Maklumat (F38) dari Seksyen Pengurusan Maklumat akan bersara (pilihan) pada 1 Julai 2020.
4. Encik Mohd. Nasir bin Hamid, Juruteknik Komputer (FT19) dari Seksyen Pengurusan Maklumat akan bersara (wajib) pada 30 September 2020.

Majlis diakhiri dengan penyampaian cenderahati kepada semua pegawai yang diraikan.



MAJLIS APRESIASI SEINDAH BUDI SEMURNI HATI PUSPANITA CAWANGAN KECIL BHEUU

Tarikh : 10 Januari 2020 (Jumaat)
Tempat : Dewan Saksama, Aras 2, BHEUU

Majlis bertemakan "*English Garden Party*" ini diadakan sebagai menghargai jasa dan pengiktirafan di atas sumbangan yang telah diberikan oleh mantan-mantan Ahli Jawatankuasa PUSPANITA Cawangan Kecil BHEUU untuk sesi 2019/2021 yang telah bertukar keluar dan juga bagi mengeratkan silaturrahim dalam kalangan ahli persatuan.

Turut hadir mantan Ketua Pengarah BHEUU, YBhg. Dato' Junaidah binti Kamarruddin yang kini adalah Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.



20-21 Januari 2020 - Bengkel Laporan Akhir Kajian Hukuman Gantian Terhadap Hukuman Mati Mandatori



Perbincangan kumpulan untuk mencari kata sepakat dalam usaha mengantikan hukuman mati yang sedia ada.



Yang Berhormat Dato' Takiyuddin Hassan, Ahli Parlimen Kota Bharu, Kelantan berkongsi pendapat berkaitan dengan Hukuman Gantian Terhadap Hukuman Mati Mandatori.



Peserta bengkel bergambar kenang-kenangan sebelum sesi bengkel berakhir.

31 Januari 2020 - Mesyuarat Agung Cawangan PUSPANITA Jabatan Perdana Menteri Ke-37



Tempat : Auditorium JPA, Kompleks C, Putrajaya

BENGGEL MYPORTFOLIO



Bengkel MyPortfolio anjuran Seksyen Pengurusan Sumber Manusia, BHEUU ini bertujuan memberi pemahaman kepada kakitangan BHEUU untuk mengenalpasti tugas-tugas hakiki di setiap seksyen dan perjawatan mengikut kumpulan perkhidmatan.

Dengan adanya bengkel ini, peserta akan lebih memahami dan memberi fokus kepada bidang tugas masing-masing yang mana sebelum ini terdapat percanggahan atau pertindihan tugas terutama di peringkat kumpulan sokongan.

Bengkel ini diadakan selama dua hari bermula pada 3 Februari 2020 dan berakhir pada 4 Februari 2020 bertempat di Aras 2, Dewan Saksama, BHEUU.

4 Februari 2020 - *Brisk Walk* Bersama Datuk Dr. Ketua Pengarah BHEUU



11 Februari 2020 - Mesyuarat Pelaporan Jawatankuasa Pemantauan Kajian Cadangan Hukuman Gantian Kepada Hukuman Mati Mandatori Bil. 1/2020



Tempat : Bilik Mesyuarat Perdana, Aras 10, BHEUU

MAJLIS AMANAT TAHUN BAHARU 2020 YB MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (UNDANG-UNDANG)

Tarikh : 13 Februari 2020

Tempat : Aras 2, Dewan Saksama, BHEUU



KUNJUNGAN HORMAT *DEPUTY HIGH COMMISSIONER AND MINISTER-COUNSELLOR, SINGAPORE HIGH COMMISSION, LOY HUI CHIEN KE ATAS KETUA PENGARAH BHEUU*

Tarikh : 14 Februari 2020

Tempat : Pejabat Ketua Pengarah, BHEUU



SEMINAR PELAN TINDAKAN NASIONAL MENGENAI PERNIAGAAN DAN HAK ASASI MANUSIA (NAPBHR)

Tarikh : 19 Februari 2020 (Rabu)

Tempat : Dewan Saksama, Aras 2, BHEUU



Brisk Walk Warga BHEUU, JBG, Mdl dan KSK Bersama Datuk Dr. Ketua Pengarah BHEUU

Tarikh : 17 Februari 2020 (Isnin)

Tempat : Laman Hijau dan Persisiran Masjid Tuanku
Mizan Zainal Abidin



KURSUS TATACARA PEROLEHAN SECARA EPEROLEHAN

Tarikh : 17 Februari - 18 Februari
2020

Tempat : Bilik Latihan ICT, Aras 4,
BHEUU

Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan pegawai BHEUU tentang proses perolehan menggunakan sistem perolehan elektronik iaitu e-Perolehan dengan bimbingan pihak yang berkepakaran sekaligus dapat meningkatkan kecekapan serta mutu perkhidmatan awam.

Seramai 38 peserta terlibat dalam menjayakan kursus ini.



SEMINAR PELAN TINDAKAN NASIONAL MENGENAI PERNIAGAAN DAN HAK ASASI MANUSIA (NAPBHR)

Tarikh : 19 Februari 2020 (Rabu)

Tempat : Dewan Saksama, Aras 2, BHEUU

Seminar ini merupakan satu inisiatif BHEUU untuk memastikan usaha pembangunan Pelan Tindakan Nasional Mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia secara holistik dengan mengambil kira pandangan serta respons daripada pihak-pihak berkepentingan, terutamanya pihak entiti perniagaan, organisasi masyarakat madani (*civil society organization*) dan pihak Badan Bukan Kerajaan.

Objektif utama seminar ini adalah untuk memberi pendedahan kepada pihak-pihak berkepentingan mengenai prinsip-prinsip di dalam perniagaan dan hak asasi manusia serta kepentingan untuk membangunkan sebuah Pelan Tindakan Nasional Mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia di Malaysia.

Seminar ini juga menjadi platform kepada pihak-pihak berkepentingan untuk melontarkan pendapat masing-masing serta menyuarakan maklumbalas mengenai isu-isu pelanggaran hak asasi manusia dalam perniagaan.



KURSUS PENGURUSAN KEWANGAN

Tarikh : 19 Februari - 22 Februari 2020 (Rabu-Sabtu)
Tempat : INTAN Kampus Wilayah Timur (INTIM),
Kemaman, Terengganu

Seramai 34 orang peserta terdiri daripada kakitangan BHEUU, JBG dan Mdl terlibat dalam menjayakan kursus ini.

Antara lain objektif kursus adalah untuk memberi pendedahan dan pengetahuan berkaitan pengurusan kewangan, membantu meningkatkan prestasi kerja dan memantapkan kualiti penyampaian perkhidmatan para peserta kursus.

Peserta kursus turut melaksanakan aktiviti CSR dengan mengutip sampah yang terperangkap di persisiran Pantai Teluk Mak Nik, Kemaman pada hari terakhir kursus ini.



25 Februari 2020 - Seminar Pelan Tindakan Nasional Mengenai Perniagaan Dan Hak Asasi Manusia (NAPBHR)

Seminar ini dihadiri seramai 126 orang pegawai daripada agensi kerajaan Persekutuan dan Negeri serta agensi pengawalseliaan. Tujuan seminar ini diadakan adalah untuk memberikan penerangan serta pendedahan mengenai United Nation Guiding Principle for Business and Human Rights (UNGPs) kepada pihak-pihak berkepentingan agar proses pembangunan NAPBHR dapat dilaksanakan dengan berkesan serta mengambil kira pandangan daripada pelbagai pihak.

Objektif penganjuran seminar ini adalah untuk memberi pendedahan kepada peserta mengenai:

- i. Prinsip-prinsip di dalam perniagaan dan hak asasi manusia serta kepentingannya terhadap masyarakat dan negara;
- ii. Kepentingan bagi Malaysia untuk membangunkan sebuah Pelan Tindakan Nasional mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia (NAPBHR) yang holistik;
- iii. Mendapatkan maklum balas daripada pegawai-pegawai agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri serta agensi pengawalseliaan mengenai pelanggaran hak asasi manusia serta cabaran yang dihadapi dalam menangani pelanggaran ini; dan
- iv. Menyediakan platform untuk berkongsi pendapat dalam kalangan semua pihak berkepentingan berkenaan dengan Perniagaan dan Hak Asasi Manusia di Malaysia.



SEKIAN TERIMA KASIH

Diterbitkan oleh :

Unit Komunikasi Korporat
Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang
Jabatan Perdana Menteri
Bangunan Hal Ehwal Undang-Undang
Presint 3, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62692
PUTRAJAYA

Tel : 03-88851000
Faks : 03-88851062
Emel : bheuu.korporat@bheuu.gov.my



[bheuuipm](https://www.facebook.com/bheuuipm)



[bheuuipm](https://twitter.com/bheuuipm)



[bheuuipm](https://www.instagram.com/bheuuipm)



www.bheuu.gov.my



**BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG
JABATAN PERDANA MENTERI**